

28/07/2002

PM terharu sambutan rakyat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa gembiranya kerana generasi muda Malaysia tidak bersikap ekstrim dan sentiasa mempertahankan sikap toleransi.

Perdana Menteri berkata, dengan mengamalkan sikap toleransi, pembangunan negara akan dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan lancar.

Katanya, generasi muda bersikap lebih sederhana dan menunjukkan sikap keprihatinan untuk membangunkan negara bersama dengan menggenepikan perbezaan agama, bangsa dan budaya.

"Saya terharu dengan perhimpunan malam ini kerana ia digerak atas kesedaran rakyat dan bukannya parti politik," katanya pada perhimpunan raksasa, 'One Nation We Care', di Stadium Bukit Jalil, di sini, malam tadi. Turut hadir ialah Datin Sri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa menteri Kabinet dan Menteri Besar.

Katanya, generasi muda perlu mempertahankan sikap toleransi yang telah dipupuk oleh pemimpin terdahulu demi kebaikan bersama. Sikap itu perlu dipertahankan sampai bila-bila supaya matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dapat dicapai lebih awal sebelum 2020.

Perdana Menteri berkata, pembangunan Malaysia diseimbangkan agar tidak ada jurang di antara negeri kaya dan miskin.

Selain persembahan kebudayaan, seramai 16 anggota Persatuan Payung Terjun Angkatan Tentera Malaysia membuat terjunan bebas di dalam stadium.

Perdana Menteri kemudian mengucapkan tahniah kepada Staf Sarjan Shahril Ashaari dari persatuan itu yang cecal walaupun tersangkut di tiang di dalam stadium itu ketika membuat terjunan. Dia diselamatkan oleh pasukan penyelamat Smart.